



Wang Kertas \$5 Baru

Lebih selamat. Lebih Bijak. Lagi Terjamin.



Wang kertas \$5, yang akan diedarkan pada awal tahun 2008, adalah jenis mata wang terkini Amerika Syarikat yang direka bentuk semula.

Kerajaan Amerika Syarikat terus mengatasi pemelancungan mata wang dengan mereka bentuk semula mata wang dengan reka bentuk dan ciri-ciri keselamatan yang dipertingkatkan. Rekaan semula bentuk mata wang A.S. bermula dengan pengenalan wang kertas \$20 yang baru pada tahun 2003, diikuti dengan wang kertas \$50 pada tahun 2004 dan wang kertas \$10 pada tahun 2006. Wang kertas \$100 yang direka bentuk semula dijadualkan menyusuli wang kertas \$5 yang baru.

Wang kertas yang direka bentuk semula adalah **lebih selamat, lebih bijak dan lagi terjamin:**

Lebih selamat kerana ia lebih mudah untuk diperiksa;

Lebih bijak untuk mengatasi pemalsu yang pintar; dan,

Lagi terjamin untuk melindungi integriti mata wang A.S.

Walaupun kerajaan A.S. telah mengekalkan pemelancungan mata wang A.S. pada tahap yang rendah melalui ciri-ciri keselamatan yang dipertingkatkan, penguatkuasaan undang-undang yang agresif dan usaha yang meningkat untuk memaklumkan orang awam mengenai cara memeriksa mata wang mereka, pengguna yang berpendidikan masih merupakan pertahanan yang terbaik terhadap pemelancungan mata wang.

Bantu melindungi wang anda yang diperoleh dengan susah payah: mengetahui ciri keselamatan wang kertas \$5 baru dan periksa wang anda.

Peralihan yang Lancar

Walaupun rupa mata wang A.S. melalui perubahan reka bentuk yang halus, namun semua wang kertas yang dikeluarkan semenjak 1861 akan dilunaskan pada nilai mukanya yang penuh. Anda tidak perlu menukar beli wang kertas anda, dan tidak ada sebarang pemanggilan balik atau penurunan nilai mana-mana mata wang A.S. Amerika Syarikat tidak pernah menurunkan nilai mata wangnya. Apabila mata wang baru diperkenalkan, wang kertas yang lusuh akan ditarik balik oleh Rizab Persekutuan apabila ia kembali melalui sistem perbankan.

Jika Anda Mengesyaki Wang Kertas Palsu

Jika anda menerima wang kertas yang anda mengesyaki mungkin wang palsu atau jika anda mencurigai wang kertas yang telah pun berada dalam simpanan anda, serahkannya kepada polis tempatan. Jika wang kertas tersebut adalah tulen, ia akan dikembalikan kepada anda secepat mungkin. Jika wang kertas tersebut adalah palsu, anda tidak akan dibayar balik. Membiarkan wang kertas palsu bertukar tangan dengan sengaja adalah menyalahi undang-undang.

Reka bentuk Mata Wang Lain dalam Edaran



2003 – Wang kertas \$20 telah direka bentuk semula untuk memasukkan pelbagai warna hijau, kuning kemerah-merahan dan biru dengan imej burung helang Amerika.



2004 – Wang kertas \$50 telah direka bentuk semula untuk merangkumi pelbagai warna biru dan merah berserta imej bendera Amerika.



2006 – Wang kertas \$10 mencirikan pelbagai warna oren, kuning dan merah dengan imej obor Statue of Liberty (Patung Liberty).

Wang Kertas \$5 Baru

Lebih selamat. Lebih Bijak. Lagi Terjamin.



Kerajaan Amerika Syarikat terus mengatasi pemelancungan mata wang dengan memperkenalkan mata wang baru dengan reka bentuk yang dipertingkatkan dan ciri-ciri keselamatan. Wang kertas \$5, yang akan mula diedarkan pada awal tahun 2008 akan disusuli kemudian oleh wang kertas \$100 yang baru. Wang kertas \$20 telah diperkenalkan pada tahun 2003, wang kertas \$50 baru pada tahun 2004 dan wang kertas \$10 baru pada tahun 2006.

Reka bentuk \$5 baru mengekalkan dua daripada ciri-ciri keselamatan yang paling penting yang mula-mula diperkenalkan pada tahun 1990-an dan mudah untuk diperiksa: tera air dan benang keselamatan.



Tera Air

Tera air kedua telah ditambah pada wang kertas \$5 yang direka bentuk semula. Pegang wang kertas pada cahaya dan cari lajur yang terdiri daripada tiga "5" yang lebih kecil yang terletak ke sebelah kiri potret. Tera air merupakan sebahagian daripada kertas itu sendiri dan boleh dilihat daripada kedua-dua permukaan wang kertas.

Benang Keselamatan

Pegang wang kertas pada cahaya dan cari benang keselamatan, atau jalur plastik yang terbenam ke dalam kertas dan berlari menegak ke sebelah kanan potret. Huruf-huruf "USA" diikuti dengan nombor "5" dalam corak yang berselang-seli kelihatan di sepanjang benang daripada kedua-dua permukaan wang kertas. Dalam wang kertas \$5 yang lebih lama, benang keselamatan terletak ke sebelah kiri potret.

Tera Air

Pegang wang kertas pada cahaya dan cari tera air nombor "5" yang besar yang terletak ke sebelah kanan potret. Ia menggantikan tera air potret Presiden Lincoln sebelum ini yang ditemui pada reka bentuk wang kertas \$5 yang lebih lama. Kedudukannya diserahkan oleh tetingkap kosong yang digabungkan ke dalam reka bentuk latar belakang.



Lambang Kebebasan

Lambang kebebasan Amerika yang baru telah ditambah pada latar belakang wang kertas \$5 yang direka bentuk semula—Mohor Besar Amerika Syarikat, yang mencirikan seekor burung helang dan perisai, dicetak dengan warna ungu pada sebelah kanan potret Presiden Lincoln. Lingkaran bintang berwarna ungu mengelilingi potret dan Mohor Besar tersebut. Lambang kebebasan adalah berlainan bagi setiap jenis mata wang.



Penunjuk Rizab Persekutuan

Mohor universal ke sebelah kiri potret mewakili keseluruhan Sistem Rizab Persekutuan. Huruf dan nombor di bawah nombor siri kiri mengenal pasti bank Rizab Persekutuan yang mengeluarkannya.



Potret dan Vignet

Jidar bujur di sekeliling potret Presiden Lincoln pada permukaan hadapan dan vignet Memorial Lincoln pada permukaan belakang telah dikeluarkan. Potret telah dipindahkan ke atas dan bahu potret telah dilanjutkan ke dalam jidar. Butiran ukiran telah ditambah pada vignet, membayangkan Memorial Lincoln yang berlatarbelakangkan langit yang penuh dengan awan.



Ciri Penglihatan Rendah

Nombor "5" yang besar dan mudah dibaca di sudut kanan sebelah bawah permukaan belakang wang kertas, yang membantu mereka yang mempunyai tahap penglihatan rendah membezakan jenis mata wang ini, telah diperbesar pada reka bentuk wang kertas \$5 yang baru; ia dicetak dengan dakwat ungu berkontras tinggi.



Penteraan Mikro

Oleh kerana ia terlalu kecil, perkataan yang ditera mikro susah untuk direplikakan. Wang kertas \$5 yang direka bentuk semula mencirikan teraan mikro pada permukaan hadapan wang kertas di tiga kawasan: perkataan "FIVE DOLLARS" boleh ditemui diulangi di bahagian sebelah dalam jidar kiri dan kanan wang kertas; perkataan "E PLURIBUS UNUM" tertera pada bahagian atas perisai dalam Mohor Besar; dan perkataan "USA" diulangi di antara tiang-tiang perisai. Pada permukaan belakang wang kertas perkataan "USA FIVE" tertera sepanjang satu sisi ciri penglihatan rendah "5" yang besar dan berwarna ungu.



Kertas

Kertas mata wang adalah satu perempat linen dan tiga perempat kapas, dan mengandungi gantian merah dan biru.



Warna

Perbezaan yang paling ketara pada wang kertas yang baru direka bentuk semula adalah tambahan warna ungu muda di bahagian tengah wang kertas tersebut, yang berpadu menjadi kelabu berhampiran dengan bahagian tepinya. "05" kecil yang berwarna kuning dicetak pada sebelah kiri potret pada permukaan hadapan wang kertas dan ke sebelah kanan vignet Memorial Lincoln pada permukaan belakang.



Nombor Siri

Gabungan unik sebelas nombor dan huruf tertera dua kali pada permukaan hadapan wang kertas. Pada wang kertas \$5 yang baru, nombor siri kiri telah dianjakkan ke kanan sedikit, berbanding dengan reka bentuk sebelum ini.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai reka bentuk mata wang yang baru lawatilah www.moneyfactory.gov/newmoney